



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 1997

KAEDAH MENGAMBILKIRA TEMPOH PERKHIDMATAN TERPUTUS DI BAWAH
PERENGGAN 94 PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 1991

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menetapkan kaedah pelaksanaan Perenggan 94 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991](#).

LATAR BELAKANG

2. Perenggan 94 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991](#) telah menetapkan bahawa -

"Bagi tempoh perkhidmatan yang terputus atas sebab-sebab yang diizinkan dan diselangi dengan perkhidmatan di sektor swasta sebelum berkhidmat semula dengan Kerajaan, hanya tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan boleh diambilkira untuk tujuan perkiraan faedah persaraan."

3. Di bawah [Peraturan-Peraturan Pencen 1980](#), apa-apa tempoh perkhidmatan yang terputus kerana perletakan jawatan oleh seseorang pegawai untuk bekerja dalam sektor swasta **tidak** boleh dimasukkan untuk tujuan pengiraan faedah persaraan sekiranya beliau kemudiannya kembali berkhidmat dengan Kerajaan. Perenggan 94 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991](#) ialah satu peruntukan baru yang membolehkan anggota-anggota yang telah menerima opsyen Sistem Saraan Baru (SSB) atau di lantik di bawah SSB untuk mengambilkira tempoh perkhidmatan sebelum

perletakan jawatan sedemikian dengan syarat bahawa perletakan jawatan itu adalah atas sebab-sebab yang diizinkan.

KAEDAH PELAKSANAAN PERENGGAN 94

4. Kemudahan di bawah Perenggan 94 itu hanya melibatkan anggota tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan. Keadaan-keadaan yang boleh diberi kemudahan itu adalah seperti berikut:-

4.1 anggota itu berkhidmat dengan agensi swasta tertentu di mana pengalaman dan kepakaran yang diperolehinya didapati sesuai dan boleh memberi munafaat kepada perkhidmatan sektor awam jika beliau bertugas semula dengan Kerajaan; atau

4.2 anggota profesional yang menceburi dalam pengamalan swasta dalam bidang-bidang kepakaran tertentu.

5. Anggota berkenaan harus mengemukakan permohonan kepada Bahagian Pencen Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mendapat kemudahan di bawah Perenggan 94 itu melalui Ketua Jabatannya. Bagi keadaan dalam perenggan 4.1, permohonan hendaklah disertakan dengan surat tawaran daripada agensi swasta itu. Kelulusan JPA perlu diperolehi sebelum anggota itu memberi notis meletakkan jawatan kepada majikannya. Kelulusan itu hendaklah dicatatkan ke dalam Rekod Perkhidmatan anggota berkenaan bagi memastikan tempoh sebelum perletakan jawatan itu dicantumkan dengan perkhidmatan dalam jawatan baru yang disandangnya jika beliau bertugas semula dengan Kerajaan, untuk maksud pengiraan faedah persaraan.

6. Kelulusan JPA adalah khusus bagi anggota itu berkhidmat dengan agensi-agensi yang dipersetujui sahaja atau mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat kelulusan itu. Sekiranya anggota itu berkhidmat dengan agensi selain daripada yang ditetapkan itu atau menceburi bidang perniagaan sendiri, tempoh sebelum perletakan jawatan itu tidak boleh dicantumkan dengan perkhidmatannya apabila kembali berkhidmat dengan Kerajaan.

PEMAKAIAN

7. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah meliputi Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun dan Penguasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mazlan Bin Ahmad', with a long, sweeping underline stroke extending to the left.

(DATO' PADUKA DR. MAZLAN BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

Tarikh: 30 April 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan